

Dua beradik pemuas seks bapa tiri

Budak 12 dan 8 tahun dakwa dirogol sekurang-kurangnya lima kali

HASNIZA HUSSAIN

KLANG – Dua beradik yang masih mentah bukan saja trauma akibat dipaksa memenuhi nafsu 'syaitan' bapa tiri secara fizikal, malah lebih teruk, seorang daripadanya dirogol sekurang-kurangnya lima kali oleh lelaki durjana itu.

Difahamkan kedua-dua mangsa, masing-masing berusia 12 dan lapan tahun itu tinggal bersama ibu kandung dan bapa tiri berusia 35 tahun di Kampung Acheh, Pelabuhan Klang, di sini, selepas ibu dan bapa mereka bercerai.

Ketua Polis Daerah Klang, Asisten Komisioner Mohamad Mat Yusop berkata, pihaknya menerima laporan mengenai kejadian itu kelmarin, selepas mangsa berusia 12 tahun tampil membuat laporan polis bersama bapa kandungnya.

Menurutnya, laporan dibuat susulan kejadian rogol terhadap kanak-kanak itu yang dilaporkan berlaku kira-kira jam 1 pagi kelmarin di rumah mereka ketika ibu kandungnya tiada di rumah.

"Bapa tiri mangsa yang juga seorang kakitangan



● MOHAMAD MAT YUSOP

Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dikatakan masuk ke bilik mangsa yang sedang tidur bersama adik-

nya berusia lapan tahun.

"Lelaki itu bertindak mengejutkan mangsa dan memaksanya membuka baju sebelum mengarahkan kanak-kanak itu menghisap kemaluannya," katanya ketika ditemui Sinar Harian semalam.

Mohamad berkata, lelaki itu kemudiannya merogol mangsa sebelum mengugut kanak-kanak itu merahsiakan perbuatan terkutuknya itu.

"Mangsa yang tidak sanggup lagi menjadi pemuas nafsu serakah bapa tiri durjana itu terus menghubungi bapa kandungnya

yang tinggal di Subang Jaya sebelum laporan polis dibuat," katanya.

Beliau berkata, bapa tiri mangsa bagaimanapun menghilangkan diri selepas kejadian dan usaha memburunya giat dijalankan.

Katanya, siasatan awal polis mendapati mangsa mula dirogol bapa tirinya sejak tiga tahun lalu ketika berada di Johor dan tahun ini, mangsa mendakwa dia dirogol sekurang-kurangnya lima kali oleh lelaki sama.

Mohamad berkata, mangsa turut mendakwa adiknya berusia lapan ta-

hun turut dicabul dan diminta menghisap kemaluan bapa tirinya bagi memuaskan nafsu.

Menurutnya, mangsa dan adiknya yang masih trauma sudah dihantar ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) untuk pemeriksaan lanjut.

Beliau berkata, pihaknya sudah merekodkan percakapan ibu kandung mangsa berusia 28 tahun yang bekerja di sebuah gedung kain terkenal di Klang, bagi membantu siasatan yang dijalankan mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksan kerana merogol.